

LAMPIRAN B11

**SYARAT KPSL SECARA ISTIMEWA BAGI
PENYANDANG DALAM PERKHIDMATAN JUMUD
KESAN DARI PELAKSANAAN STRUKTUR BARU
PERKHIDMATAN TEKNIKAL DAN STRUKTUR
BARU PERKHIDMATAN PENTADBIRAN KE
PERKHIDMATAN YANG LEBIH
TINGGI DI BAWAH SSB**

**SYARAT KPSL SECARA ISTIMEWA BAGI PENYANDANG DALAM PERKHIDMATAN
JUMUD KESAN DARI PELAKSANAAN STRUKTUR BARU PERKHIDMATAN TEKNIKAL
DAN STRUKTUR BARU PERKHIDMATAN PENTADBIRAN KE PERKHIDMATAN
YANG LEBIH TINGGI DI BAWAH SSB**

<i>Bil.</i>	<i>Klasifikasi Perkhidmatan</i>	<i>Syarat Pertimbangan KPSL</i>
1.	Kejuruteraan	1.1 Syarat KPSL Juruteknik Rendah ke jawatan Juruteknik Gred J7: (a) disahkan dalam perkhidmatan Juruteknik Rendah; (b) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mereka yang tidak memiliki SPM hendaklah berkhidmat selama tidak kurang dari 6 tahun dalam perkhidmatan Juruteknik Rendah; (c) berjaya dalam temuduga memasuki perkhidmatan Juruteknik. 1.2 Syarat KPSL Juruteknik Ukur Rendah ke jawatan Juruteknik Ukur Gred J7: (a) disahkan dalam perkhidmatan Juruteknik Ukur Rendah; (b) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mereka yang tidak memiliki SPM hendaklah berkhidmat selama tidak kurang dari 6 tahun dalam perkhidmatan Juruteknik Ukur Rendah; (c) berjaya dalam temuduga memasuki perkhidmatan Juruteknik Ukur.
2.	Pentadbiran dan Sokongan	2.1 Syarat KPSL Pegawai Tadbir Am ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3: (a) telah disahkan dalam perkhidmatan PTA; (b) berkhidmat selama 3 tahun dalam Skim Perkhidmatan PTA; (c) memiliki Sijil Pengurusan Awam (INTAN) atau yang setaraf dengannya; dan (d) berjaya dalam temuduga untuk memasuki perkhidmatan PTD. 2.2 Syarat KPSL Pegawai Kerani Rendah ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N9: (a) disahkan dalam perkhidmatan Pegawai Kerani Rendah; (b) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mereka yang tidak memiliki SPM hendaklah berkhidmat selama tidak kurang daripada 6 tahun dalam perkhidmatan Pegawai Kerani Rendah; (c) berjaya dalam temuduga memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi).

Catatan:

Peluang peningkatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan di atas menerusi KPSL secara istimewa sebanyak 3 kali yang diperuntukkan di bawah pelaksanaan Struktur Baru Perkhidmatan Teknikal dan Struktur Baru Perkhidmatan Pentadbiran masih diteruskan setakat peluang yang masih ada. Jika peluang sebanyak 3 kali itu telah diguna sedangkan penyandang masih tidak berjaya untuk dilantik ke jawatan yang lebih tinggi, pertimbangan KPSL hendaklah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan di Lampiran 'D1'.